



PENGHIJRAHAN DAN PETEMPATAN MASYARAKAT BANJAR DI KERIAN, PERAK 1905 – 1947



FARINAH BINTI ISMAIL

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGHIJRAHAN DAN PETEMPATAN
MASYARAKAT BANJAR DI KERIAN,
PERAK 1905 – 1947

FARINAH BINTI ISMAIL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

LPS/IPS-SIBO 22
Pind : 00 mba: 1/1

Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓


INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada7.....(hari bulan).....Jun..... (bulan) 20..21..

i. Perakuan pelajar :

Saya, Farinah Binti Ismail, M20142002530, Fakulti Sains Kemasyarakatan (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Penghijrahan dan Petempatan Masyarakat Banjar di Kerian, Perak 1905 -1947

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya


Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Ishak Bin Saat (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Penghijrahan dan Petempatan Masyarakat Banjar di Kerian, Perak 1905 -1947

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Sastera (Sejarah) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

7/Jun/2021

Tarikh


PROFESSOR DR. ISHAK BIN SAAT
Penyelia
Ijazah Sarjana Sastera
Institut Pengajian Siswazah
Tandatangan Penyelia

UPSI/PS-3/BO 31
Pind.: 01 m/s:1/1
**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Penghijrahan dan Petempatan
Masyarakat Banjar di Kerian, Perak 1905 -1947

No. Matrik /Matric's No.: M20142002530

Saya / I : Farinah Binti Ismail

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

Farinah Binti Ismail
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

PROFESSOR DR. HIKMAT BIN SAAT
Professor
(Tandatangan Penerima, Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 8/Nov/2021

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT (S) TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t,

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji bagi Allah tuhan semesta alam dan selawat ke atas Nabi Muhammad s.a.w, keluarga serta para sahabat baginda. Bersyukur ke hadrat ilahi di atas kasih sayang dan rahmat dariNya yang telah memberikan kudrat dan limpah kurniaNya untuk saya menyiapkan disertasi tesis yang bertajuk Penghijrahan dan Petempatan Masyarakat Banjar Di Kerian, Perak 1905 - 1947. Pertama sekali, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada penyelia utama saya, Prof. Dr. Ishak Bin Saat dan penyelia kedua Dr. Ramli Bin Saadon kerana terus-menerus memberikan semangat dan bimbingan dalam penulisan kajian saya ini. Tidak dilupakan juga setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada para penyelidik yang terdahulu yang turut menyumbangkan ilmu dalam kajian mereka dan telah menjadi rujukkan kepada penyelidik ini. Terus terang saya nyatakan di sini bahawa kajian ini tidak mudah. Pelbagai rintangan yang saya perlu hadapi terutamanya dari segi masa disebabkan saya merupakan pelajar separuh masa dan bekerja dalam sektor swasta. Justeru itu, saya terikat dengan tanggungjawab sebagai pekerja dan pelajar dalam masa yang sama. Selain itu, rintangan yang dihadapi juga adalah dari segi kesukaran untuk mendapatkan bahan rujukan kajian. Namun, saya bersyukur kerana bimbingan penyelia yang menyokong usaha saya dengan memberikan semangat untuk meneruskan pengajian saya dalam mengkaji, mengenali seterusnya merekodkan perihal masyarakat Banjar dalam bentuk kajian bertulis. Dikesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli keluarga yang menyokong saya dalam penulisan kajian ini. Ucapan terima kasih juga dipanjangkan kepada masyarakat Banjar di Perak dan Kelab Kulaan Malaysia yang memberi kerjasama dengan mengizinkan saya menemubual dan menyertai program-program yang dianjurkan. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang turut memberikan sokongan dan membantu saya dalam penulisan kajian ini. Tanpa bantuan dan sokongan anda, tidak mungkin kajian ini dapat diselesaikan dengan baik. Akhir kata, saya berharap agar penulisan ini dapat memberikan manfaat dan menjadi rujukan ilmiah dalam bidang pendidikan sejarah.



ABSTRAK

Penulisan ini adalah sebuah kajian tentang penghijrahan dan petempatan masyarakat Banjar di Kerian, Perak dari tahun 1905 sehingga 1947. Masyarakat Banjar adalah salah satu etnik dari Indonesia yang telah berhijrah ke Tanah Melayu sewaktu pemerintahan British. Masyarakat Banjar memilih kawasan pantai barat untuk dijadikan petempatan Tanah Melayu khususnya di Kerian, Perak. Antara kawasan petempatan mereka ialah di Parit Buntar, Tanjung Piandang, Kuala Kurau, Bagan Serai, Semanggol dan Changkat Jering. Objektif kajian ini dijalankan bertujuan untuk membincangkan isu penghijrahan masyarakat Banjar ke Tanah Melayu dan Perak menjadi kawasan penempatan majoriti etnik ini. Faktor yang mendorong penghijrahan yang berlaku turut dibincangkan untuk kefahaman bersama. Kajian ini bakal mendedahkan cabaran yang dilalui masyarakat Banjar untuk hidup dengan masyarakat tempatan dan cabaran mereka dalam mengekalkan adat dan budaya mereka. Kajian ini juga akan turut mendedahkan peranan yang dimainkan oleh pihak tertentu untuk melestarikan adat dan budaya mereka agar terus relevan dan diamalkan oleh generasi seterusnya. Permasalahan yang cuba dirungkai dalam kajian ini adalah berkenaan dengan cabaran bermasyarakat dalam kehidupan berhijrah khususnya dalam soalan pengekalan adat dan budaya dengan memfokuskan kepada adat “Bapukung”. Bapukung adalah satu kaedah untuk menidurkan bayi yang diamalkan oleh masyarakat Banjar. Secara umumnya kaedah ini dilihat seolah-olah seperti menyiksa bayi. Permasalahan yang seterusnya ialah merungkai kemelut penilaian negatif masyarakat tempatan ke atas masyarakat Banjar yang dikatakan panas baran dan sukar didekati. Selanjutnya kajian ini adalah untuk mendalami dan mengkaji cabaran yang dihadapi masyarakat Banjar dalam menyesuaikan diri dengan kepelbagaian etnik di Tanah Melayu serta usaha yang dilakukan oleh pihak tertentu untuk mengekalkan adat dan budaya dalam masyarakat Banjar. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif, maklumat didapati menerusi temubual yang dijalankan dengan individu tertentu dalam masyarakat Banjar. Turut menggunakan kaedah pemerhatian dengan melibatkan diri secara langsung dengan aktiviti penduduk bagi memastikan penilaian secara langsung dapat dibuat disamping untuk membuat penilaian keatas sumber yang didapati. Dapatan daripada hasil kajian ini mengesahkan kewujudan majoriti masyarakat Banjar di Perak dengan melihat kepada kesan peninggalan sejarah serta pecahan suku yang terdapat di daerah Kerian. Kajian ini turut menyangkal tomanan negatif terhadap mereka mengetengahkan keunikan adat dan budaya yang disanjung berzaman lamanya seterusnya dapat memperlihatkan usaha yang dijalankan oleh pihak tertentu bagi meneruskan kesinambungan adat dan budaya dalam menghadapi cabaran arus pemodenan. Pengakhiran bab dalam kajian diharapkan dapat membuka minda masyarakat dalam penerimaan mereka ke atas masyarakat Banjar, menghormati kepelbagaian etnik dan dapat menjadi rujukan ilmiah untuk kajian yang seterusnya.



THE MIGRATION AND SETTLEMENT OF THE BANJAR COMMUNITY IN KERIAN, PERAK 1905 – 1947

ABSTRACT

This is a study on the migration and settlement of the Banjar community in Kerian, Perak. Banjar people is a one of Indonesia's ethnic groups have migrated to Malaya during the British rule. They choose the west coast of the Malay as their settlements especially in Kerian, Perak. Among their settlement areas are in Parit Buntar, Tanjung Piandang, Kuala Kurau, Bagan Serai, Semanggol and Changkat Jering. The objective of this study was to discuss the issue of migration to Malaya with the factors that drive migration takes place. Migration out of the original land is not an easy task, various challenges must be faced before a settlement can be successfully built. Thus, this study will reveal the challenges faced by the Banjar community to live with the local community and their challenges in maintaining their customs and culture. This study will also reveal the role played by certain parties to preserve their customs and culture to remain relevant and practiced by the next generation. The issue to be highlighted in this study is related to the custom of "Bapukung". Bapukung is a method of putting babies to sleep practiced by the Banjar community. Generally, this method is seen as seemingly torturing the baby. The next problem is to see the truth of the local community's assessment of the Banjar community which is said to be hot-tempered and difficult to approach. Further examine the challenges and efforts to maintain customs and culture in the Banjar community. This study was conducted through a qualitative method of conducting interviews with specific individuals in the Banjar community. The method of observation by engaging directly with the activities of the residents is also done to ensure that a direct assessment can be made in addition to assessing the resources available. Findings from this study confirm the existence of most of the Banjar community in Perak by looking at the effects of historical relics and the breakdown of tribes found in the district of Kerian. This study also refutes the negative criticism of them highlighting the uniqueness of customs and cultures that have been praised for a long time. The end of the chapter in this study will also show the efforts carried out to continue the continuity of customs and culture in the face of the challenges of modernization.

**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	2
1.2 Objektif Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Kajian Lepas	5
1.5 Kaedah Penyelidikan	22
1.6 Kepentingan Kajian	31
1.7 Skop Kajian	32
BAB 2 ASAL-USUL MASYARAKAT BANJAR	
2.1 Pendahuluan	34
2.2 Latar Belakang Masyarakat Banjar	34
2.3 Sungai dan Banjar	38
2.4 Keruntuhan Dan Penghijrahan	40



2.5	Kepercayaan Masyarakat Banjar	41
2.5.1	Kepercayaan Berdasarkan Agama	41
2.5.2	Kepercayaan Mengikut Struktur Masyarakat	42
2.5.3	Kepercayaan Lingkungan	43
2.6	Ciri-Ciri Masyarakat Banjar	45
2.6.1	Sifat Kesukuan	45
2.6.2	Berpegang Teguh Dengan Agama	46
2.6.3	Menghormati Golongan Ahli Agama	47
2.6.4	Tempat Tinggal	48
2.6.5	Mengamalkan Cara Hidup Sederhana	49
2.7	Pandangan Masyarakat Tempatan Terhadap Masyarakat Banjar	49
2.8	Populasi Penduduk	51
2.9	Pengkelasan Suku Kaum Banjar	52

BAB 3 PENGHIJRAHAN MASYARAKAT BANJAR KE TANAH MELAYU

3.1	Pendahuluan	55
3.2	Peringkat Penghijrahan	62
3.3	Faktor Penghijrahan	65
3.3.1	Faktor Penolak	68
3.3.2	Faktor Penarik	73
3.4	Kedatangan Masyarakat Banjar Di Johor	82
3.5	Kedatangan Masyarakat Banjar Di Selangor	85
3.6	Kedatangan Masyarakat Banjar Di Perak	88
3.6.1	Pengenalan Daerah Kerian	90
3.6.2	Bukti Kewujudan Banjar Dan Kesannya di Daerah Kerian	92
3.6.3	Pecahan Etnik Banjar Di Malaysia	99

BAB 4 PETEMPATAN MASYARAKAT BANJAR DI PERAK

4.1	Pendahuluan	103
-----	-------------	-----

4.2	Kegiatan Ekonomi Masyarakat Banjar	104
4.2.1	Sektor Pertanian	104
4.2.2	Sektor Perikanan	107
4.3	Masjid Tinggi	108
4.4	Sungai Kalumpang Dan Mitosnya	111
4.5	Peristiwa Sungai Manik	112

BAB 5 PERUBAHAN DAN PENGEKALAN ADAT DAN BUDAYA BANJAR

5.1	Pendahuluan	116
5.2	Usaha Dalam Mengekalkan Adat Dan Budaya	119
5.3	Bapukung	122
5.3.1	Kaedah Bapukung	125
5.3.2	Kebaikan Bapukung	126
5.4	Perkahwinan	127
5.4.1	Basasuluh	128
5.4.2	Badatang	129
5.4.3	Bapapyuan	129
5.4.4	Maatar Jujuran	129
5.4.5	Akad Nikah	130
5.4.6	Bapingit	130
5.4.7	Berpapai atau Badudus	131
5.4.8	Basanding	132
5.5	Aruh	134
5.5.1	Bamumula	137
5.5.2	Basaruan	140
5.6	Makanan Tradisi	140
5.7	Unsur Mistik	142

BAB 6 RUMUSAN

6.1	Kesimpulan	146
-----	------------	-----

RUJUKAN	153
----------------	-----

LAMPIRAN	162
-----------------	-----

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Jumlah Pelajar Sekolah Berketurunan Banjar Pada Tahun 2016 Di Tanjung Piandang	52
3.1	Kadar Penghijrahan Penduduk Negeri-Negeri Tanah Melayu	56
3.2	Laporan Banci Di Tanah Melayu Tahun 1947	83
4.1	Tanaman Yang Ditanam Di Daerah Kerian Pada 1966 Dan 1974	107



**SENARAI RAJAH**

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Sub Suku Banjar	53
3.1 Pergerakan Penghijrahan Orang Banjar Dari Kalimantan Selatan Ke Tanah Melayu	59
3.2 Taburan Penduduk Banjar Di Tanah Melayu 1947	82
3.3 Peta Negeri Perak Dan Tumpuan Kajian Daerah Kerian	94
3.4 Pecahan Mukim Daerah Kerian Dan Keluasan	95
3.5 Sungai Utama Daerah Kerian	96
3.6. Etnik Banjar Di Malaysia	100
4.1 Masjid Tinggi	110
4.2 Masjid Al-Athar Yang Menggantikan Masjid Tinggi	111
5.1 Perbezaan Adat Dan Budaya	118
5.2 Tumpuan Pengkaji Dalam Adat Dan Budaya	120
5.3 Bapukung	123



5.4	Penyediaan Untuk Bapukung	124
5.5	Aktiviti Bapukang	124
5.6	Proses Adat Dalam Perkahwinan	128
5.7	Proses Adat Dalam Basanding	134
5.8	Proses Aruhan	136
5.9	Gotong-Royong Semasa Aruhan	138
5.10	Rantang	139
5.11	Hidangan Makanan Untuk Tetamu	139
5.12	Wadai Kiping	141
5.13	Penyediaan Wadai Kiping	142

SENARAI SINGKATAN

FELCRA	Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority
FELDA	Federal Land Development Authority
JKKK	Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung
KPM	Koninklijke Paketvaart Maatschappij
MOA	Ministry of Agriculture
PKM	Parti Komunis Malaya
RISDA	Rubber Industry Smallholders Development Authority
SM	Sebelum Masihi
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
UMNO	United Malays National Organisation
UNESCO	The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization
Y.B	Yang Berhormat

BAB 1

PENGENALAN

Kajian terdahulu memaparkan proses penghijrahan yang telah berlaku dalam kalangan penduduk Indonesia ke Tanah Melayu. Dalam kajian ini, pengkaji memaparkan proses penghijrahan yang melibatkan masyarakat Banjar dari Banjarmasin. Pengkaji memilih Perak sebagai kawasan kajian kerana Perak merupakan negeri di Tanah Melayu yang menjadi tumpuan orang Banjar yang berhijrah dari Banjarmasin. Bahkan, Perak adalah sebuah negeri yang merupakan penduduknya terdiri daripada majoriti masyarakat Banjar. Penghijrahan masyarakat Banjar ke Tanah Melayu berlaku sekitar tahun 1880-an sehingga 1940-an secara berperingkat-peringkat.¹ Sebenarnya kedatangan mereka yang berlaku pada tahun-tahun yang disebutkan itu hanyalah merupakan suatu proses

¹ Mohd Hanip Abdul Majid, "The Banjarese in Parit Empat Selinsing, Perak", Malaysia Historical Society Vol.25, Season Press Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 1982, hlm.22



yang sentiasa berlaku sebelum abad ke-19 dikalangan masyarakat Melayu di alam Nusantara berikutan memiliki kesamaan dari segi politik, sosial, ekonomi, keturunan, agama, kepercayaan dan cara kehidupan adalah sama.² Kehadiran masyarakat ini dibuktikan melalui sumber-sumber bertulis, sumber lisan dan juga bukti-bukti fizikal yang ditemui di kawasan-kawasan tertentu. Definisi penghijrahan bermaksud pergerakan, perpindahan atau migrasi penduduk dari satu tempat ke satu tempat yang lain sama ada merentasi sempadan antarabangsa mahupun sempadan negeri.³ Pada awalnya penghijrahan masyarakat Banjar telah berlaku dalam 3 peringkat iaitu penghijrahan pertama berlaku pada tahun 1859 sehingga 1890. Penghijrahan kedua berlaku pada 1890 sehingga 1912 manakala penghijrahan peringkat yang ketiga pula berlaku pada tahun 1913 sehingga 1940.⁴



Semenjak daripada peristiwa penjajahan Belanda di Indonesia yang dicatatkan

berlaku pada tahun 1824, penghijrahan masyarakat Banjar dilihat mula berlaku secara perlahan-lahan di Banjarmasin. Keadaan diburukkan lagi semasa keruntuhan kerajaan Banjar pada tahun 1860 ekoran ketidakstabilan politik setelah mengalami penjajahan. Hal yang berikut telah mendorong penghijrahan keluar masyarakat Banjar dari tanah asal mereka. Pada ketika itu, proses yang berlaku adalah secara berperingkat yang merujuk kepada daripada beberapa kelas masyarakat. Peringkat pertama melibatkan golongan bangsawan seperti Gusti, Pangeran dan juga golongan agama. Penghijrahan peringkat kedua berlaku pada tahun 1890 sehingga 1912 melibatkan golongan bangsawan serta para pengikut mereka yang kalah dalam pertempuran dengan Belanda. Alasan utama peringkat kedua adalah untuk melarikan diri serta mengelak

² Khazin Mohd Tamrin, "Orang Jawa Di Selangor, Penghijrahan Dan Penempatan 1880-1940, Dewan Bahasa Dan Pustaka, PKNS Selangor, 1984, hlm.1

³ Usman Haji Yaacob dan Tarmiji Masron "Isu-isu Kependudukan dan Migrasi di Malaysia", International Organisation for Migration (IOM), Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 2005, hlm.6

⁴ Noriah Mohamad Ghazali, "Masyarakat Banjar Johor" Yayasan Warisan Johor, Johor, 2012, hlm.22



daripada ditangkap oleh penjajah Belanda. Situasi rakyat pada ketika tersebut terbeban oleh pelbagai jenis cukai dan dipaksa menjadi buruh. Antara cukai yang dikenakan oleh penjajah Belanda ialah cukai kepala.⁵ Rakyat yang terikat dengan sistem kerahan buruh paksa tidak berkesempatan untuk melakukan kerja harian yang boleh mendatangkan pendapatan seterusnya menyebabkan mereka tidak mampu untuk membayar cukai dan mengakibatkan mereka ditangkap dan dipenjarakan. Jelasnya tekanan yang diberikan oleh penjajah Belanda sekaligus menjadi punca kepada proses penghijrahan berlaku.

Pada tahun 1909, Belanda meluluskan enakmen "*The Netherlands Indians Labourers Protection Enactment*" untuk membekalkan buruh Indonesia. Enakmen ini bertujuan untuk menyokong keperluan buruh kepada pihak British di Tanah Melayu bagi mendapatkan buruh dari Indonesia bagi menampung keperluan pekerja di ladang-ladang getah dan tebu. Enakmen inilah yang menjadi salah satu punca kepada penghijrahan pada peringkat ketiga. Asalnya pihak British mendapatkan bekalan buruh dari India namun terhenti akibat perang dunia pertama yang berlaku sekitar 1914 sehingga 1919. Keadaan diburukkan lagi apabila negara India berhadapan dengan masalah wabak taun yang serius sekitar tahun 1917. Akibatnya proses perpindahan buruh India dikawal.⁶ Merujuk kepada buruh Indonesia yang berhijrah ke Tanah Melayu, hanya segelintir sahaja yang pulang ke Indonesia setelah kontrak tamat. Selebihnya memilih untuk terus kekal di Tanah Melayu. Bagi mereka yang pada asalnya menjadi buruh kontrak di ladang, mula beralih kepada tanaman padi yang merupakan kepakaran di tanah asal mereka. Terdapat juga masyarakat Banjar

⁵ Mohamed Salleh Lamry, "Hujan Emas Di Negeri Orang, Perantau Banjar dari Pajukungan, Kalimantan Selatan" MZ Edu Publication Kuala Lumpur, 2017, hlm.60

⁶ *Ibid.* hlm.56

yang awalnya berhijrah ke Tanah Melayu bersendirian, kemudiannya pulang ke Indonesia untuk membawa ahli keluarga berpindah ke Tanah Melayu.

1.2 Objektif Kajian

Kajian ini ingin mencapai objektif berikut:

- i. Mengetahui alasan mengapa masyarakat Banjar bertumpu di Perak.
- ii. Menunjukkan cabaran bermasyarakat dalam perantauan dan kehidupan berhijrah khususnya dalam soalan pengekalan adat dan budaya.
- iii. Menganalisis peranan masyarakat Banjar dalam memelihara tradisi dan budaya.

1.3 Pernyataan Masalah

Tujuan kajian ini adalah untuk menghuraikan, menerangkan dan membuat tanggapan terhadap tajuk yang dipilih. Pengkaji dapat memastikan dan menguji kebenaran terhadap sesuatu pandangan dengan melihat secara langsung mahupun tidak secara langsung kepada bukti yang wujud. Tugas pengkaji adalah untuk menilai secara terperinci dan mengambil kira semua bukti yang dapat membantu mencapai kesimpulan yang kukuh.⁷ Permasalahan untuk dirungkaikan dalam kajian ini, benarkah adat bapukung dalam masyarakat Banjar kejam seperti yang dilihat. Permasalahan yang kedua, benarkah penilaian masyarakat tempatan mengenai sikap masyarakat Banjar yang panas baran dan sukar untuk didekati. Selanjutnya adalah

⁷ Azizi Haji Yahaya, *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan. Teori, Analisis dan Interpretasi Data*. PTS Profesional Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 2006, hlm.33



untuk memahami dan melihat sejauh mana cabaran masyarakat Banjar untuk mengekalkan adat dan budaya ketika dalam perantauan melalui fasa peredaran zaman.

1.4 Kajian Lepas

Terdapat beberapa bahan bacaan kajian yang menjadi rujukan literatur penulis. Kajian yang pertama ialah buku penulisan Noriah Mohamaed dan Ghazali Basri yang bertajuk "*Masyarakat Banjar Johor*" terbitan Yayasan Warisan Johor, Johor 2012. Berbentuk kajian penerokaan yang mengupas mengenai salah satu budaya masyarakat etnik Melayu di negeri Johor. Masyarakat Banjar terkenal dengan sifat taat dan berpegang teguh dengan agama dan budaya. Perkara ini dizahirkan dalam kehidupan sehari-hari seperti yang terungkap dalam budaya, bahasa dan sastera mereka. Ketaatan dalam agama telah membentuk sifat dan watak masyarakat Banjar yang menjadikan urusan agama sebagai suatu keutamaan dalam kehidupan. Buku ini mengemukakan dua hipotesis kajian, yang pertama ialah teori penghijrahan Orang Banjar dari kampung halaman asal mereka ke Semenanjung Tanah Melayu. Hipotesis ini menjelaskan penghijrahan Orang Banjar meninggalkan kampung halaman mereka iaitu Kalimantan Selatan adalah kerana didorong oleh "semangat madam" yakni merantau untuk melarikan diri daripada menjadi buruh paksa penjajah Belanda. Teori lain yang mendorong penghijrahan masyarakat Banjar adalah berkaitan dengan kelangsungan tamadun. Hal ini merujuk kepada bagaimana masyarakat Banjar perlu meneruskan kehidupan dalam keadaan terdesak sewaktu zaman penjajahan dan berhijrah demi meneruskan kehidupan dalam masa yang sama berusaha untuk mengekalkan semangat kekitaan, budaya dan bahasa.



Rujukan seterusnya ialah buku penulisan Mohamed Salleh Lamry, "*Hujan Emas di Negeri Orang: Perantau Banjar dari Pajukungan, Kalimantan Selatan*" terbitan MZ Edu Publication, Kuala Lumpur 2017.⁸ Kajian dan penulisan buku ini adalah mengenai penghijrahan orang-orang Banjar dari Kalimantan Selatan pada awal abad ke 20, kehidupan mereka serta keturunan mereka di Tanah Melayu. Antara masyarakat Banjar yang terlibat dalam penghijrahan tersebut termasuklah Andin Amin dan keluarganya. Penghijrahan tersebut didorong oleh faktor penolak di Kalsel, seperti penindasan penjajah Belanda dan faktor penarik di Tanah Melayu yang menawarkan peluang mencari rezeki yang luas khususnya dalam bidang pertanian. Disebabkan oleh faktor-faktor tersebut mereka sanggup menempuh perjalanan yang jauh dan sukar menuju ke Tanah Melayu. Penghijrahan Andin Amin telah menunjukkan perubahan yang lebih baik setelah berhijrah ke Tanah Melayu. Kesimpulannya, "hujan emas" di negeri orang merujuk kepada negeri orang lebih baik daripada negeri sendiri. Pun begitu, perbincangan dalam buku ini hanya menumpukan kepada soal penghijrahan orang-orang dari Pajukungan yakni merupakan sebuah perkampungan di Kalsel yang berhijrah ke Tanah Melayu dan mengubah nasib mereka ke arah yang lebih baik. Selanjutnya, buku ini menumpukan perbincangannya kepada sebahagian daripada ahli keluarga Andin Amin.

Turut menjadi rujukan ialah daripada penulisan Mohd Hanip Abdul Majid yang bertajuk "*The Banjarese in Parit Empat Selinsing Perak*" di dalam Journal of the Malaysian Historical Society Vol.25.⁹ Penulisan ini berkisarkan sejarah masyarakat Banjar yang berhijrah ke Tanah Melayu khususnya ke daerah Kerian pada

⁸ Mohamed Salleh Lamry, "Hujan Emas Di Negeri Orang, Perantau Banjar dari Pajukungan, Kalimantan Selatan" MZ Edu Publication Kuala Lumpur, 2017

⁹ Mohd Hanip Abdul Majid, "The Banjarese in Parit Empat Selinsing, Perak" Malaysia Historical Society, Vol.25, Season Press S/B, Kuala Lumpur, 1982



tahun 1905. Dalam sejarah penghijrahan masyarakat Indonesia, tumpuan seringkali hanya pada etnik Jawa dan Minangkabau. Berbeza dengan etnik Banjar yang kurang popular. Penulisan ini menunjukkan bahawa majoriti masyarakat Banjar berhijrah dan menetap di daerah Kerian. Penulis telah mengkhususkan kawasan kajian di bahagian Parit Selinsing yang jaraknya lebih kurang 12 kilometer daripada Bagan Serai. Hasil kajian, dikatakan ketibaan masyarakat Banjar di Parit Selinsing, Simpang Empat adalah sekitar tahun 1905, telah menemui Sungai Kurau, Sungai Pinang dan Sungai Parotan. Mereka kemudiannya membina penempatan di sana setelah mendapati tanah kawasan tersebut luas dan sesuai untuk pertanian. Pada waktu itu, perkembangan sosio-ekonomi adalah perlahan seiring dengan perkembangan komunikasi yang terhad berikutan berada di kawasan pendalaman. Keadaan menjadi sukar berikutan tiada jalan yang terancang untuk menghubungkan kawasan pendalaman dengan dunia luar. Masyarakat Banjar kebiasaannya berkahwin dengan suku sendiri demi menjaga adat dan budaya mereka.

Berikutnya ialah "*Penghijrahan Orang Banjar Ke Daerah Mersing*" karangan Mohd Ali Haji Ismail, Malaysia dari Segi Sejarah, bil 14, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia 1985. Pengkaji cenderung merujuk kepada rujukan primer dengan mengadakan banyak temuramah dengan golongan yang berhijrah secara langsung dan juga generasi-generasi selepasnya. Pengkaji juga menjalankan kajian lapangan dan pemerhatian dengan cara mengunjungi kawasan-kawasan kajian tersebut. Kajian ini menyebut bahawa masyarakat Banjar yang datang ke Mersing adalah melalui jalan laut dari Singapura. Hal yang demikian adalah kerana mereka yang berhijrah dari Banjarmasin, tiba di Singapura dan kemudiannya dipecahkan ke daerah-daerah lain. Pemecahan masyarakat Banjar di semenanjung Tanah Melayu dilakukan oleh Syeikh-





Syeikh yang terdiri daripada orang Banjar itu sendiri di mana mereka ini terlebih dahulu berhijrah ke Singapura. Kehadiran orang Banjar ke Tanah Melayu bersama dengan tanggapan negatif masyarakat tempatan. Terdapat kata-kata mengejek terhadap mereka seperti "*timpas*" yang bererti ketak dengan parang panjang dan "*suduk*" atau tikam dengan pisau belati. Kebiasaannya, orang Banjar membawa senjata seperti pisau belati dan parang bersama mereka sewaktu keluar dari rumah, kononnya senjata tersebut digunakan untuk menetak dan menikam dalam sesuatu pergaduhan.¹⁰ Pun begitu, pengkaji merasakan perkara ini berlaku hanya dalam kes terpencil sahaja. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat dari dekat masyarakat yang dikatakan ganas untuk memberi gambaran yang jelas mengenai masyarakat Banjar. Pengkaji juga cuba untuk mengikis tanggapan negatif masyarakat tempatan terhadap masyarakat Banjar serta menunjukkan sumbangan yang telah diberikan mereka dalam soal sosiobudaya, ekonomi dan politik di Tanah Melayu.

Pengkaji menjelaskan secara umum mengenai masyarakat Banjar antaranya ialah merupakan satu masyarakat yang mementingkan permuafakatan terutamanya dalam hal persaudaraan dan sikap gotong-royong. Mereka juga adalah sebuah masyarakat yang berpegang teguh kepada agama dan menghormati golongan yang ahli dalam agama. Pemilihan pemimpin seperti ketua kampung terdiri daripada golongan agama. Golongan ini berperanan dalam memberikan nasihat dalam soal keagamaan, pentadbiran dan hal-hal lain seperti kekeluargaan. Masyarakat Banjar merupakan masyarakat tani. Mereka meneroka tanah baru untuk tujuan pertanian dan pembinaan penempatan. Mereka juga berpengalaman luas dalam penanaman sawah padi. Maka tidak hairanlah masyarakat ini mudah ditemui di negeri-negeri jelapang padi seperti Kedah, Perak dan Selangor. Kedatangan masyarakat Banjar telah mempengaruhi

¹⁰ Mohd Ali Haji Ismail Malaysia dari Segi Sejarah, bil 14, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia 1985, hlm. 19



budaya masyarakat Melayu tempatan. Lazimnya, dalam masyarakat Melayu tempatan, permuafakatan dapat dilihat dalam sesebuah institusi kekeluargaan dan dalam kalangan saudara-mara sahaja. Namun setelah kehadiran masyarakat Banjar, pembaharuan telah berjaya dilakukan sehingga ke peringkat kampung terutamanya dalam soal menjayakan sesuatu majlis kenduri-kendara yang diadakan secara bergotong-royong untuk meringankan bebanan tuan rumah seperti menyediakan persiapan memasak, mengumpul kayu api, memasang serubung, membina pelamin sehinggalah kepada mewar-warkan berita mengenai sesuatu majlis yang bakal diadakan kepada seluruh kampung. Selain itu, barangan keperluan seperti beras, gula, garam, tepung dan juga wang tunai turut disumbangkan kepada tuan rumah. Keadaan ini jelas menyangkal tanggapan negatif masyarakat tempatan bahawa orang Banjar adalah bengis, ganas dan sukar didekati.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selanjutnya ialah rujukan daripada penulisan Khazin Mohd Tamrin, “*Orang Jawa di Selangor: Penghijrahan dan Penempatan, 1880-1940.*”¹¹ Kajian ini adalah mengenai masyarakat Melayu berketurunan Jawa dan penghijrahan mereka ke Tanah Melayu khususnya di negeri Selangor. Fokus kajian adalah diantara tahun 1973 sehingga 1976. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengaitkan dengan istilah merantau. Menurut pengertian T. Iskandar, perkataan merantau bermaksud berjalan, belayar atau mengembara ke tempat lain kerana mencari kehidupan yang lebih baik.¹² Justeru, dapat dijelaskan bahawa sebahagian daripada orang Jawa yang datang ke Tanah Melayu mempunyai tujuan untuk merantau, mengembara, mencari ilmu pengetahuan. Selain itu, penghijrahan turut dipengaruhi oleh faktor lain yang dipanggil “*minggat*”

¹¹ Khazin Mohd Tamrin, *Orang Jawa Di Selangor, Penghijrahan Dan Penempatan 1880 – 1940*

¹² T. Iskandar, *Kamus Dewan, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1970, hlm.931*



yang membawa maksud sebagai lari dan meninggalkan sesuatu tempat.¹³ Dalam proses penghijrahan orang Jawa, terdapat satu lagi istilah lain yang dinamakan “*boyongan*”.¹⁴ Proses ini berlaku apabila penghijrah yang berhijrah ke Selangor sudah berjaya mendapat tanah dan kehidupan yang terjamin, mereka kemudiannya kembali ke tempat asal di Jawa untuk membawa ahli keluarganya turut bersama berhijrah ke Selangor. Penulisan Khazin selain daripada menerangkan sebab penghijrahan, Khazin juga menerangkan perihal kedatangan dan proses penempatan masyarakat Jawa di Selangor. Kajian ini juga memperlihatkan sumbangan mereka dalam perkembangan penempatan di Selangor. Orang Jawa merupakan salah satu bangsa dalam rumpun Melayu namun memiliki cara hidup yang berlainan dengan cara orang Melayu tempatan. Kajian ini menerangkan persamaan dan perbezaan yang wujud disamping memperlihatkan tentang sejarah penghijrahan dan peranan orang Jawa dalam perkembangan penduduk dan ekonomi Selangor. Perbicaraan mengenai aspek kehidupan penghijrah Jawa di Selangor, jelas dilihat bahawa mereka masih meneruskan cara hidup yang biasa diamalkan di Jawa, tetapi dalam bentuk yang sedikit diubahsuai bersesuaian dengan keadaan di Selangor. Unsur perpaduan dan hubungan erat sesama mereka masih berdiri dengan utuh dan dapat dilihat dalam soal gotong-royong, kesenian dan kekeluargaan.

Karya Khairul Nizam Zainal Badri dalam “*Ketokohan dan Pemikiran Abu Bakar Al-Baqir*” turut menjadi rujukan pengkaji. Abu Bakar Al-Baqir merupakan pengasas Maahad Al-Ehya Asshariff pada tahun 1934. Sumbangan beliau bukan sahaja tertumpu pada bidang pendidikan bahkan beliau turut terkenal dalam bidang politik. Maahad Al-Ehya Asshariff terletak di daerah Kerian, Semanggol, Perak

¹³ T. Iskandar, Kamus Dewan, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1970, hlm.740

¹⁴ Perkataan ini berasal daripada perkataan perbuatan boyong bermaksud pindah.

T. Iskandar, Kamus Dewan, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1970, hlm.132





menjadi salah satu pusat keilmuan kepada masyarakat disekitarnya sehingga ke seluruh pelosok tanah air dan sangat terkenal sejak tahun 1950an. Gunung Semanggol terletak dikawasan kampung yang hanya terdapat sebuah pekan kecil dan berada jauh dari pusat bandar. Pada suatu ketika dahulu, Gunung Semanggol menjadi terkenal di seluruh Tanah Melayu kerana terdapat sebuah sekolah agama rakyat yang sangat berpengaruh. Popularitinya tidak terhad sebagai pusat pengajian ilmu semata-mata, bahkan menjadi pusat kepada gerakan keagamaan, ekonomi, markas politik dan persidangan bagi gerakan rakyat untuk menuntut kemerdekaan daripada pihak penjajah.¹⁵ Maahad ini dilihat begitu istimewa sejak daripada penubuhannya kerana didirikan dengan semangat gotong-royong antara penduduk kampung dengan tenaga pengajar bagi membangunkan sekolah telah mewujudkan hubungan yang erat antara kedua-duanya. Hubungan yang erat disulami suasana kampung yang mendamaikan telah mencetuskan satu persekitaran yang kondusif yang cukup ideal untuk dijadikan pusat penyebaran ilmu. Penduduk kampung yakin dengan kebolehan tenaga pengajar untuk mendidik anak-anak mereka manakala tenaga pengajar pula percaya bahawa anak-anak ini bakal memberikan manfaat kepada agama, bangsa dan negara. Abu Bakar telah menggunakan segala pengalaman yang ada ketika beliau mengendalikan cawangan Madrasah Dairatul Maarif untuk merangka struktur kurikulum yang bersesuaian dengan keperluan semasa. Dalam tempoh 5 tahun dari tahun 1934 sehingga 1938, Abu Bakar berserta dengan tenaga pengajar yang lain mewujudkan lima kelas utama dalam kurikulum pembelajaran iaitu Tahdiri, Itadaie, Thanawi, Kismul dan Tagasus.¹⁶¹⁷ Kelas-kelas di atas tergolong dalam sistem pendidikan

¹⁵ Khairul Nizam Zainal Badri, "*Ketokohan dan Pemikiran Abu Bakar Al-Baqir*", Krisma Publication Sdn Bhd, Shah Alam, 2008 hlm.1-2

¹⁶ Tahdiri ialah ujian lisan (imtihan) dijalankan untuk menentukan kelayakan tingkatan yang seterusnya. Bahasa pengantar ialah Bahasa Melayu tetapi penekanan juga diberikan kepada Bahasa Arab. Itadaie merujuk kepada pelajar yang bijak. Contoh matapelajaran yang diajar ialah ilmu fiqh mengikut tahap. Bahasa pengantar ialah Bahasa Arab. Tanawi, pelajar yang tamat pengajian pada tahap ini sudah boleh menjadi guru agama atau boleh



formal yang ditawarkan oleh sekolah. Selain itu, mata pelajaran tidak formal juga ditawarkan sebagai mata pelajaran tambahan contohnya mata pelajaran pertukangan kayu. Ketika Maahad Ehya ditubuhkan, Abu Bakar baru berusia 27 tahun. Pada usia semuda itu, beliau telah dipilih untuk mentadbir sekolah dan mendapat sokongan penuh masyarakat setempat. Walaupun Abu Bakar merupakan keturunan Jawa dari Jajahan Kendal, Jawa Tengah, namun ini tidak menghalang beliau untuk menyumbang bakti kepada masyarakat tempatan yang nyatanya majoriti berketurunan Banjar. Keadaan ini jelas menunjukkan Abu Bakar telah menunjukkan ketokohan dan kematangan dalam isu-isu yang berkaitan dengan kepentingan orang ramai sehingga masyarakat yakin dengan kebolehan beliau.¹⁸ Relevannya penulisan Khairul Nizam menjadi rujukan kajian ini adalah kerana kedudukan Maahad Ehya yang berada di Kerian dan merupakan pusat pengajian ilmu kepada masyarakat disekitarnya khususnya masyarakat Banjar.

Pengkaji turut merujuk kepada artikel penulisan Irfan Noor yang bertajuk "*Visi Spiritual Masyarakat Banjar*" dalam Al-Banjari Jurnal Ilmiah Ilmu-Ilmu Keislaman, Vol 12, No.2, Juli 2013.¹⁹ Artikel Irfan Noor mengkaji berkenaan asal usul masyarakat Banjar yang berpunca daripada penghijrahan besar-besaran masyarakat Sumatera dan sekitarnya khususnya suku Dayak Bukit yang mendiami Pergunungan Meratus. Peristiwa perpindahan besar-besaran sukubangsa Melayu ini menjadi inti nenek moyang sukubangsa Banjar yang dikatakan terjadi pada zaman

melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi iaitu Kismul dan Tagasus. Bahasa pengantar ialah Bahasa Arab. Kismul, tahap ini setaraf dengan pendidikan di kolej-kolej besar. Bahasa pengantar ialah Bahasa Arab. Tagasus, pelajar boleh mengkhusus dalam satu-satu bidang misalnya Tauhid atau Ilmu Kalam. Bahasa pengantar ialah Bahasa Arab.

¹⁷ Khairul Nizam Zainal Badri, "Ketokohan dan Pemikiran Abu Bakar Al-Baqir", Krisma Publication Sdn Bhd, Shah Alam, 2008 hlm.21-22

¹⁸ Khairul Nizam Zainal Badri, "Ketokohan dan Pemikiran Abu Bakar Al-Baqir", Krisma Publication Sdn Bhd, Shah Alam, 2008 hlm.18

¹⁹ Irfan Noor, Al-Banjari "*Visi Spiritual Masyarakat Banjar*" Fakulti Usuludin IAIN Antasari Banjarmasin, Jakarta, 2013

Sriwijaya atau sebelumnya.²⁰ Golongan inilah yang menjadi kelompok utama membentuk suku bangsa Banjar.²¹ Menurut JJ Ras dalam Hikayat Banjar, proses terbentuknya masyarakat Banjar yang mendukung kebudayaannya sendiri adalah amat panjang. Ianya dipengaruhi pusat kekuasaan pada ketika itu dan pengaruh daripada pusat kekuasaan yang berada disekitarnya. Berdasarkan daripada proses penjajahan, penghijrahan dan proses pengislaman yang berlaku maka terbentuklah kerajaan Banjar dan pembentukan masyarakat Banjar itu sendiri.²² Rombongan imigran daripada Kalingga pimpinan Empu Jatmika sekitar tahun 1300 Masihi menjadi pemerintah pertama dan membentuk kerajaan Negara Dipa yang bermaksud “negeri di seberang sana”. Empu Jatmika kemudiannya memindahkan pusat pemerintahan ke bahagian pedalaman iaitu ke daerah Amuntai dan mendirikan Candi Agung. Seterusnya menjadi kerajaan Hindu pertama di Kalimantan Selatan dan merupakan asas terbentuknya kerajaan Banjar.²³ Kerajaan Banjar juga sebenarnya dipengaruhi oleh unsur Jawa terutamanya dalam soal adat istiadat dan juga bahasa. Pengaruh Hindu-Jawa pada awal pembentukan masyarakat Banjar dapat dilihat dalam pengaruh budaya dan sistem politik awal kerajaan yang dipengaruhi oleh unsur mistik. Hikayat Banjar contohnya menceritakan perihal bakal Raja Negara Dipa daripada seorang perempuan yang bernama Junjung Buih dan muncul secara tiba-tiba dari dalam buih air sungai setelah berlakunya pertapaan oleh Lambung Mangkurat. Begitu juga kemudiannya, suami Junjung Buih yang diperoleh hasil daripada pertapaan.²⁴ Keadaan ini jelas menunjukan pengaruh unsur mistik disamping pengaruh agama

²⁰ Alfani Daud, Islam dan Masyarakat Banjar; Diskripsi dan Analisa Kebudayaan Banjar, Jakarta: Rajawali Press, 1997, hlm.31

²¹ Alfani Daud, Islam dan Masyarakat Banjar; Diskripsi dan Analisa Kebudayaan Banjar, Jakarta: Rajawali Press, 1997, hlm.25

²² J.J Ras, Hikayat Banjar, A Study in Malay Historiography, (The Hague: Martinus Nijhoff, 1968, hlm.24

²³ A. Ghazali Usman, “Kerajaan Banjar: Sejarah Perkembangan Politik, Ekonomi Perdagangan dan Agama Islam.” Banjarmasin: Lambun Mangkurat University Press, 1998, hlm.2.

²⁴ J.J Ras, Hikayat Banjar “A Study in Malay Historiography”, (The Hague: Martinus Nijhoff, 1968, hlm.267 dan 269.



Hindu dalam pemerintahan awal kerajaan. Bertitik tolak daripada perkembangan petempatan yang semakin luas, kerajaan Negara Dipa semakin terpelosok ke kawasan pedalaman. Pemerintah pada ketika itu mula berkira-kira untuk mengubah pusat pemerintahan ke kawasan yang berdekatan dengan perairan disebabkan oleh perkembangan perdagangan dan perlabuhan.²⁵ Kerajaan Negara Dipa akhirnya dipindahkan ke wilayah yang terletak di Margasari, Kabupaten Tapin sekarang. Kerajaan pindahan ini dinamakan sebagai Kerajaan Daha yang berkuasa sehingga tahun 1400an dengan menjadikan Candi Laras sebagai tanda peninggalannya.²⁶ Kehadiran Empu Jatmika di Kalimantan Selatan menjadi permulaan kewujudan kerajaan Banjar yang dipengaruhi oleh unsur agama Hindu dan disulami bersama unsur mistik. Terbinanya Candi Agung di masa pemerintahan kerajaan Negara Dipa dan Candi Laras sewaktu kerajaan Negara Daha menjadi bukti utama adanya pengaruh agama Hindu di awal kewujudan negara tersebut.

Pada abad ke 16, Banjar mula menerima pengaruh agama Islam. Pada ketika itu, sedang berlaku perebutan kuasa di antara Pangeran Antasari dengan Termenggung Samudera. Hal yang demikian telah mengundang campur tangan Sultan Demak dalam peperangan di Kerajaan Negara Daha kerana Termenggung Samudera telah meminta bantuannya. Walau bagaimanapun, Sultan Demak telah mengenakan syarat untuk menerima agama Islam sekiranya beroleh kemenangan dan syarat tersebut dipersetujui oleh Termenggung Samudera. Sultan Demak telah menghantar bala tentera untuk membantu Termenggung Samudera merebut hak ke atas tahta Kerajaan Negara Daha. Berkat atas bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Demak,

²⁵ Alfani Daud, *Islam dan Masyarakat Banjar Diskripsi dan Analisa Kebudayaan Banjar*, Jakarta: Rajawali Press, 1997, hlm.44

²⁶ Muhammad Idwar Saleh, "Pergeseran Budaya dalam Perjalanan Sejarah Masyarakat Banjar dan Pembangunan" yang diselenggarakan oleh IAIN Antasari pada tanggal 28-30 Januari 1985, Banjarmasin, hlm.11



akhirnya kemenangan berpihak kepada Termenggung Samudera. Kemenangan Termenggung Samudera memperoleh tahta kerajaan diiringi oleh kesudiannya untuk memeluk agama Islam secara rasminya dengan menggunakan gelaran Sultan Suriansyah. Maka terbentuklah kerajaan Islam yang pertama di Banjarmasin pada 24 September 1526.²⁷ Peristiwa ini menyaksikan peralihan kuasa yang dikuasai oleh pengaruh Hindu kepada agama Islam sebagai agama rasmi. Rakyat pada ketika itu mendukung kesultanan ini turut menganuti agama yang dianuti oleh Sultan mereka dan dikenali sebagai sukubangsa Banjar.²⁸ Setelah terbentuknya kerajaan Islam Banjar, ini bermaksud Kerajaan Negara Daha menjadi kerajaan Hindu yang terakhir pada ketika tersebut. Kesimpulannya, kerajaan Islam Banjar terbentuk melalui proses pengislaman Termenggung Samudera oleh Sultan Demak. Namun tidak dapat dinafikan juga bahawa, proses Islamisasi sudah pun berlaku lebih awal lagi secara perlahan-lahan melalui perdagangan yang berlangsung seantero Nusantara khususnya dari kepulauan Jawa. Relevannya, kajian yang dijalankan oleh Irfan Noor ini memberi kefahaman berkenaan dengan pengaruh agama terdahulu iaitu agama Hindu dan seterusnya beralih kepada agama Islam secara rasminya dalam masyarakat Banjar.

Rujukan selanjutnya ialah daripada karya penulisan Wan Hashim Wan Teh yang bertajuk "*Rumpun Melayu, Teori Migrasi dan Diaspora*". Penulisan buku ini merujuk kepada teori asal usul rumpun Melayu. Terdapat beberapa pendapat tokoh berkenaan dengan asal usul rumpun Melayu. Heine Gerdern mengatakan bahawa rumpun Melayu berasal daripada wilayah Yunnan atau selatan negara China. Peter

²⁷ Kononnya pada tanggal tersebut juga Termenggung Samudera diislamkan oleh Khatib Dayyan tepat pada pukul 10.00pagi hari Rabu 24 September 1526 M atau pada 8 Zulhijjah 932H. Lihat A. Ghazali Usman "Kerajaan Banjar: Sejarah Perkembangan Politik, Ekonomi, Perdagangan dan Agama Islam". Banjarmasin: Lambung Mangkurat University Press, 1998, hlm.26

²⁸ A. Ghazali Usman, "Sistem Politik dan Pemerintahan dalam Perjalanan Sejarah Masyarakat Banjar", Makalah pada Seminar Sistem Nilai Budaya Masyarakat Banjar dan Pembangunan yang diselenggarakan oleh IAIN Antasari pada Tanggal 28-30 Januari 1985 di Banjarmasin, hlm.11



Bellwood pula menyatakan bahawa tanah rumpun Melayu adalah pulau Taiwan. Tarikh mereka berhijrah ke selatan memasuki alam Melayu adalah di antara 3500 S.M. sehingga 500 kurun Masihi, suatu kenyataan yang menimbulkan rasa sangsi. Dapatan kajian ahli-ahli arkeologi menunjukkan bahawa manusia moden homo sapien telah pun berada di alam Melayu ini jauh lebih awal di antara 3,500 S.M. sehingga 15,000 S.M. Wan Hashim telah menjalankan kajian beliau di wilayah Yunnan pada tahun 1994 ke atas 26 kelompok minoriti dan mendapati tiada satu pun di antara kelompok ini tergolong dalam rumpun Melayu dari segi budaya dan linguistik. Beliau membuat kesimpulan bahawa selatan negara China bukanlah tempat atau wilayah asal rumpun Melayu.²⁹

Menjelaskan berkenaan dengan orang Melayu, terdapat tiga pengertian dan konteks yang berbeza dalam penggunaan perkataan Melayu. Pengertian pertama, digunakan dalam konteks di Indonesia, iaitu Melayu sebagai salah satu daripada suku bangsa atau etnik seperti orang Jawa, Aceh, Bugis, Makassar, Bali, Mandailing, Batak, Korinchi, Banjar, Rawa, Lampong, Minangkabau, Boyan, Madura, Patani, Manado, dan Toraja. Pengertian Melayu ini masih diguna pakai di Indonesia yang merujuk kepada mereka yang mendiami Kepulauan Riau dan pantai timur Sumatera dan bertutur dalam bahasa Melayu Riau sebagai bahasa pertama dan menjadi bahasa ibunda. Bahasa asal etnik Melayu inilah yang diangkat menjadi bahasa nasional “Negara-bangsa Indonesia” yang merdeka bermula dengan peristiwa “Sumpah Pemuda” pada 1928. Di Malaysia, gerakan nasionalisme Melayu pada sekitar tahun 1930an dan 1940an telah menyamaratakan semua etnik dan menggabungkan dalam satu bangsa yang dipanggil, bangsa Melayu atau “*A Malay Nation*”. Menerusi

²⁹ Wan Hashim Wan Teh, “Rumpun Melayu, Teori Migrasi dan Diaspora”, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai Negeri Sembilan, 2012, hlm.9



kesamarataan ini, maka wujudlah konsepsi Melayu kedua yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Melayu merujuk kepada seseorang yang bertutur dalam bahasa Melayu sebagai bahasa pertama, beragama Islam dan berpegang kepada adat resam yang diamalkan oleh orang-orang Melayu. Pengertian Melayu yang ketiga, merujuk kepada istilah yang diguna pakai oleh penyelidik dalam bidang sosio-linguistik, antropologi dan juga UNESCO yang menunjukkan Melayu sebagai satu kelompok bangsa yang besar atau rumpun bangsa yang merupakan penduduk asal di Semenanjung dan gugusan Pulau-Pulau Melayu yang juga dikenali sebagai Alam Melayu.³⁰ Takrifan bangsa Melayu menurut pandangan Stamford Raffles³¹ salah seorang kolonial barat:

I cannot but consider the Malay Nation as one people, speaking one language though spread over so wide a space, preserving the character and customs, in all the maritime states, lying between Sulu Seas and Southern Oceans.

(Raffles, 1816, p. 103)

Seterusnya, pengkaji merujuk kepada penulisan Sriwati dalam jurnalnya yang bertajuk “*Upacara Pelestarian Nilai-Nilai Budaya Sebagai Civil Culture Pada Perkahwinan Suku Banjar di Kalimantan Selatan*” terbitan Universitas Pendidikan Indonesia pada tahun 2015. Jurnal ini membahaskan berkenaan dengan adat perkahwinan masyarakat suku Banjar di Kalimantan Selatan. Perkahwinan adalah ikatan zahir batin antara seorang lelaki dengan seorang wanita sebagai suami isteri dengan tujuan membentuk sebuah keluarga yang bahagia. Atas dasar ini, perkahwinan diharapkan dapat membentuk keluarga yang kekal, berjalan lancar dan bahagia

³⁰ Ibid hlm.18

³¹ Stamford Raffles, “*On The Malay Nation*”, Asiatic Researches Vol.12, 1816 page.103



selama-lamanya bersesuaian dengan prinsip asas perkahwinan.³² Tatacara perkahwinan di Indonesia khususnya dipengaruhi oleh agama dan kepercayaan yang menyebabkan timbulnya perbezaan pelaksanaan dalam sesuatu adat perkahwinan. Dalam masyarakat Indonesia, pelaksanaan perkahwinan cenderung dilakukan dengan adat dan budaya daerah setempat kerana masyarakatnya yang terdiri daripada pelbagai suku. Penekanan di sini diberikan kepada perkahwinan suku Banjar di Kalimantan Selatan yang masih memegang erat adat istiadat dalam urusan adat perkahwinan. Proses perkahwinan ini menjadi satu identiti dan jati diri orang Banjar.

Perkahwinan yang dijalankan haruslah berpandukan hukum agama agar perkahwinan dan keturunan yang dilahirkan sah menurut syariah.³³ Menurut hukum adat, perkahwinan adalah suatu ikatan antara seorang lelaki dengan seorang perempuan untuk membentuk rumah tangga yang dilaksanakan secara adat dan agamanya dengan melibatkan keluarga kedua belah pihak mahupun kerabatnya. Tujuan perkahwinan tidak hanya menyatukan kedua mempelai sahaja, bahkan turut mempersatukan keluarga kedua-dua belah pihak. Terjadinya suatu ikatan perkahwinan turut melibatkan soal tanggungjawab, hak dan kewajipan suami dan isteri, kedudukan anak, tanggungjawab ke atas orang tua, harta benda dan kekeluargaan yang besar.³⁴ Jurnal ini turut membahaskan isu yang memudahkan adat perkahwinan dalam suku Banjar. Penulis melihat perkembangan globalisasi telah menimbulkan pelbagai isu dalam bidang kebudayaan, misalannya hilangnya keaslian dalam sesuatu budaya, pudarnya sifat kekeluargaan dan aktiviti gotong-royong serta gaya hidup yang dipengaruhi oleh kebaratan. Adat perkahwinan masyarakat Banjar

³² Soemiyati, "Hukum Perkahwinan Islam Dan Undang-Undang". Perkahwinan Undang-Undang No.1 tahun 1974, Liberty, Yogyakarta, 1974, hlm.55.

³³ Achmad Ichsan, "Hukum Perkahwinan Islam", Pradya Paramithal, Jakarta, 1960, hlm.15

³⁴ Sriwati, "Upacara Pelestarian Nilai-Nilai Budaya Sebagai Civil Culture Pada Perkahwinan Suku Banajr DI Kalimantan Selatan, Universitas Pendidikan Indonesia, 2015, hlm.4





adalah unik, namun sejajar dengan peredaran zaman, adat ini semakin lama semakin terhakis dan dianggap tidak sesuai untuk dipraktikkan. Antara punca-punca yang dikesan ialah, upacara perkahwinan tersebut dianggap menyusahkan kerana prosesnya yang panjang. Pengaruh globalisasi yang mengalami proses modenisasi secara perlahan-lahan sedang menghakis kebudayaan tempatan. Hiasan pelamin dan pakaian dalam kebudayaan juga dilihat sebagai kuno dan tidak menepati arus semasa. Bahkan makan tradisi yang sering dihidangkan dalam majlis perkahwinan juga kini ditukarkan dengan menu-menu yang lain dengan perlbagai variasi makanan yang tidak lagi mencerminkan identiti budaya masyarakat tersebut. Paling ketara, majlis yang diadakan kini cenderung memilih kaedah sewaan katering dan makanan dihidangkan secara bufet. Kaedah ini secara tidak langsung telah membunuh budaya gotong-royong yang pernah rancak dijalankan dalam sesuatu majlis perkahwinan pada suatu



ketika dahulu.

Adat perkahwinan orang Banjar adalah suatu budaya yang harus dilestarikan kerana adat tersebut menjadi identiti dan jati diri orang Banjar itu sendiri. Seperti yang diketahui umum, terdapat pelbagai adat dalam sesuatu masyarakat, namun adat dalam perkahwinan mempunyai peranannya yang tersendiri dan meninggalkan kesan dalam sesuatu masyarakat. Adat telah menjadi satu peraturan yang tidak tertulis yang diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi yang lain secara lisan.³⁵ Dalam melestarikan sesuatu budaya, penekanan yang diberikan di sini ialah pengetahuan kewarganegaraan atau “*civic culture*”. Masyarakat harus didedahkan dengan pengetahuan kewarganegaraan yang menyentuh hal adat istiadat, memperkenalkan kepelbagaian etnik dan menekankan kepentingan untuk memelihara adat dan budaya

³⁵ Dimyati Mursimah, “Perkahwinan Adat Banjar dan Tata Rias Pengantin Banjar Dari Masa ke Masa”. Banjarbaru Kalimantan Selatan: PT. Grafika Wangi Kalimantan, 2014, hlm.17



itu sendiri. Perkahwinan adat suku Banjar dari konsep budaya kewarganegaraan merupakan bahagian daripada jati diri bangsa, karakter bangsa dan budaya nasional.

Menurut Winataputra;³⁶

Identitas warganegara yang bersumber dari Civic Culture merupakan budaya yang menopang kewarganegaraan yang berisikan separangkat idea-idea yang dapat diwujudkan secara efektif dalam representasi kebudayaan untuk tujuan pembentukan identitas warganegara.

(Winaputra, 2012, hlm. 57)

Menurut Cogan dan Dericott, Pendidikan Kewarganegaraan juga membahaskan tentang perbezaan budaya. Pada abad ke-21 terdapat lapan karakteristik warganegara seperti:³⁷

1. The ability to look at and approach problems as a member of a global society.
2. The ability to work with others in a cooperative and and to take responsibility for one's roles/duties within society.
3. The ability to understand, accept, appreciate n tolerate cultural differences.
4. The capacity to think in a critical and systematic way.
5. The willingness to resolve conflict and in a non-violent manner.
6. The willingness to change one's lifestyle and consumption habits to protect the environment.
7. The ability to be sensitive towards and to defend human rights (e, right of women, ethnic minorities,)
8. The willingness and abilitiy to participate in politics at local, national and international levels.

³⁶ Winataputra, U.S, "Pendidikan Kewarganegaraan dalam Perspektif Pendidikan Untuk Mencerdaskan kehidupan Bangsa": Gagasan, Instrumentasi dan Praksis. Bandung, Wiya Aksara Press, 2012, hlm.57

³⁷ Cogan, J.J dan Derricott, R. "Citizen for The 21st Century: An International Perspective On Education. London: Kogen Page, 1998, page.115



Penulis menekankan kepentingan untuk melestarikan budaya dan warisan selama yang mungkin dan diperkembangan kepada generasi yang seterusnya supaya budaya tersebut kekal dan berlanjutan. Kelestarian kebudayaan ini tidak akan dapat bertahan dan tidak akan berkembang sekiranya tidak didukung oleh masyarakat dan tidak dijadikan sebagai sebahagian daripada hidup. Selain itu, peranan untuk melestarikan budaya ini juga harus dilaksanakan diperingkat pendidikan dan berganding bahu bersama masyarakat setempat serta sektor-sektor pelancongan mahupun kerajaan dalam usaha untuk memelihara dan memperkenalkan budaya tersebut kepada etnik-etnik lain. Ianya tidak harus sekadar menjadi penulisan dalam buku atau jurnal semata-mata, bahkan usaha tertentu perlu digiatkan untuk memastikan kelangsungannya. Oleh yang demikian, pentingnya penelitian dijalankan untuk melakukan pelestarian adat budaya masyarakat Banjar khususnya dalam hal perkahwinan agar nilai-nilai yang terkandung di dalamnya dapat dipelihara dan diteruskan oleh generasi kemudian dalam membentuk identiti bangsa.³⁸

Berdasarkan rujukan kepada kajian lepas, hasil yang diperoleh menunjukkan kajian terdahulu membincangkan berkenaan dengan sejarah penghijrahan masyarakat Banjar, pemilihan penempatan di Tanah Melayu dan sedikit sebanyak berkenaan dengan ikatan kekeluargaan dalam memelihara identiti etnik mereka. Terdapat juga kajian yang berkaitan dengan budaya masyarakat Banjar yang melibatkan adat "*bapukung*" dan perkahwinan. Perkara yang turut menarik minat pengkaji ialah berkaitan dengan soal kekeluargaan dan sifat kerjasama yang diamalkan dalam masyarakat Banjar. Ianya tidak terhad kepada pertalian darah sahaja, tetapi turut melibatkan dalam kalangan kejiranan dan suku kaum itu sendiri. Hal demikian dapat

³⁸ Sriwati, "Upacara Pelestarian Nilai-Nilai Budaya Sebagai Civil Culture Pada Perkahwinan Suku Banjar Dip Kalimantan Selatan, Universitas Pendidikan Indonesia, 2015, hlm.9





dilihat menerusi amalan bergotong-royong dalam menyempurnakan sesuatu majlis. Pengkaji turut merujuk kepada kajian lain yang berkaitan dengan penghijrahan manusia yang boleh digunakan sebagai panduan bagi menjadikan kajian ini lebih jelas dan difahami. Dalam penulisan kajian ini, pengkaji telah memilih untuk mengkaji kawasan penempatan majoriti masyarakat Banjar yakni sekitar daerah Kerian, Perak. Pengkaji cuba untuk memperkembangkan lagi kajian terdahulu dengan mengupas lebih lanjut mengenai pemilihan penempatan di Kerian, usaha masyarakat Banjar dalam melestarikan adat dan budaya serta cabaran yang dialami bagi meneruskan usaha tersebut. Seterusnya membincangkan siapa yang bertanggungjawab menguruskan dan memastikan identiti masyarakat Banjar terus terpelihara dan bagaimana bentuk usaha yang dijalankan bagi memastikan kelangsungannya. Pengkaji berharap agar perbezaan yang cuba ditonjolkan dalam kajian ini lebih jelas dalam bab



1.5 Kaedah Penyelidikan

Secara umumnya terdapat dua kaedah asas dalam pensejarahan. Kaedah yang pertama ialah kaedah pensejarahan tradisi dan yang kedua ialah kaedah pensejarahan moden. Kaedah pensejarahan tradisi dipelopori oleh Herodotus dan Thucydides, mereka berdua dikenali sebagai Bapa Sejarah Dunia. Kaedah yang diaplikasikan ialah berbentuk pemerhatian, temubual dan juga rujukan terhadap sumber bertulis. Thucydides berpendapat bahawa sumber lisan lebih bernilai daripada sumber bertulis kerana sumber bertulis bersifat sehalu dan sukar disoal balas. Kaedah pensejarahan moden pula diperkenalkan oleh Leopold Von Ranke. Beliau digelar sebagai Bapa Pensejarahan Moden. Beliau memperkenalkan idea betapa pentingnya menggunakan





sumber primer untuk mengesahkan fakta yang berlaku pada masa lalu.³⁹ Bagi Ranke, sumber utama adalah sama ada dalam bentuk dokumen adalah lebih penting daripada sumber kedua. Tokoh-tokoh yang disebutkan mempunyai pendapat yang berbeza, namun kedua-dua kaedah pensejarahan mereka diterima pakai. Seorang sejarawan mempunyai hak memilih untuk menjalankan penyelidikan secara tradisi ataupun secara moden. Syaratnya sejarah tersebut perlulah ditulis secara tepat dan berobjektif.

Berdasarkan penerangan di atas, pengkaji telah menggunakan kedua-dua kaedah yang diutarakan oleh Thucydides dan Ranke. Pun begitu, kaedah yang diutamakan ialah kaedah kualitatif yang merujuk kepada kaedah tinjauan. Pengkaji mengadakan temubual secara langsung dengan responden-responden yang berkepentingan dalam masyarakat Banjar. Antara responden yang ditemubual ialah bekas Pengerusi Kelab Kulaan Malaysia, tenaga pengajar di Madrasah Akhlah Al-Islamiah, ahli jawatankuasa Kelab Kulaan Malaysia, ahli jawatankuasa Masjid Tinggi Bagan Serai dan juga penduduk kampung di sekitar Bagan Serai, penduduk kampung Kuala Kurau dan penduduk kampung Kampung Tebuk Matau, Gunung Semanggol. Mereka yang disenaraikan ini adalah terdiri daripada kalangan masyarakat Banjar. Selain daripada sesi temubual, kajian itu turut melibatkan kaedah pemerhatian. Dalam sesebuah kajian yang melibatkan kehidupan masyarakat, kaedah pemerhatian adalah sangat penting yang memerlukan penglibatan pengkaji itu sendiri. Penulis atau penyelidik biasanya melibatkan diri dengan masyarakat yang hendak dikaji untuk memahami dengan jelas sesuatu isu yang berkaitan dengan masyarakat tersebut. Maklumat-maklumat yang diperolehi berkaitan dengan latarbelakang, ciri-ciri serta pengalaman yang dilalui sendiri oleh responden yang ditemubual. Pengalaman yang

³⁹ Rosie Turner – Bisset, Pengajaran Pakar, Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad, Kuala Lumpur, 2004, hlm.38





dimiliki mereka mahupun oleh nenek moyang mereka tidak direkodkan secara bertulis, tetapi lebih kepada diperturunkan melalui teknik penceritaan daipada satu generasi kepada satu generasi yang lain. Penulis akui kaedah temubual ini mengambil masa yang lama disamping memerlukan penulis untuk beramah mesra dengan responden-responden. Namun kaedah ini turut memberi impak yang bagus dalam kajian penulis. Penulis dapat mengenali masyarakat Banjar dengan lebih dekat. Bahkan kehadiran penulis ke rumah responden-responden yang ditemubual juga sangat dialu-alukan. Begitu juga dengan menyertai aktiviti masyarakat Banjar dan mendekati mereka secara langsung, ianya memberikan pengalaman yang berbeza kepada penulis.

Kaedah kualitatif berbentuk pemerhatian, temubual tidak berstruktur, rujukan maklumat dokumentasi dan kajian kes. Kaedah ini dapat membina tujuan untuk melengkapkan teori, meningkatkan kefahaman, menghuraikan kenyataan, menyatakan kejadian semulajadi dan menerangkan kejadian secara verbal. Merujuk kepada perkara tersebut, kaedah kualitatif dilihat bertepatan dengan kajian ini kerana lebih cenderung kepada bidang antropologi dan sejarah. Tambahan pula, sumber maklumat dalam bentuk data mahupun statistik adalah sukar untuk didapati dalam pemilihan tajuk kajian ini. Maklumat yang berjaya diperolehi lebih terarah kepada sumber lisan dan pemerhatian pengkaji sendiri dalam proses temubual serta penglibatan penulis secara langsung dalam aktiviti yang dijalankan oleh masyarakat Banjar. Kebolehpercayaan maklumat yang diperolehi juga boleh dinilai dan diukur oleh pengkaji setelah melakukan perbandingan terhadap temubual yang dijalankan terhadap beberapa responden dan penglibatan pengkaji dalam aktiviti yang dianjurkan





oleh masyarakat Banjar. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat mengamati dan membuat kesimpulan ke atas tajuk yang dikaji.

Maklumat yang diperoleh daripada pemerhatian dan temubual yang telah dijalankan perlu melalui proses analisa bagi menentukan samada kajian ini telah mencapai objektif dan merungkai permasalahan diawal kajian. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, kajian dan penulisan ini adalah berdasarkan kaedah kualitatif yang memerlukan penulis menjalankan kajian lapangan. Temubual dijalankan dengan beberapa responden dikalangan masyarakat Banjar khususnya di Bagan Serai, Perak. Pemilihan responden adalah berdasarkan sumbangan dan penglibatan responden dalam aktiviti dan perkembangan masyarakat Banjar selain pencapaian akademik, penglibatan politik, pekerjaan dan ilmu agama yang dimiliki. Responden-responden ini juga merupakan generasi ketiga dan keempat daripada generasi pertama yang mula-mula berhijrah ke Tanah Melayu. Antara responden yang sering menjadi tumpuan para pengkaji etnik Banjar ialah Hajah Asmah Ramli. Beliau merupakan pesara guru dan pernah bertugas di beberapa buah sekolah di sekitar kawasan Kuala Kurau dan Semanggol. Beliau aktif dalam bidang persatuan seperti Pertubuhan Belia Semanggol dan pernah menyandang jawatan sebagai naib ketua Belia 4B kawasan Bagan Serai dan Semanggol. Dalam bidang politik pula, beliau adalah bekas Ketua Wanita UMNO bahagian Bagan Serai. Dalam usianya yang menjangkau ke 80 tahun, beliau masih lagi aktif dalam persatuan dan merupakan Ahli Jawatankuasa Kelab Kulaan Malaysia serta menjadi penasihat dalam hal adat dan kebudayaan Banjar. Responden yang kedua ialah Tuan Haji Jamaluddin Saari. Beliau merupakan bekas pengerusi Kelab Kulaan Malaysia. Masih aktif dalam kelab yang sama namun telah melepaskan jawatannya berikutan kekangan masa dan perlu menumpukan komitmen





beliau sebagai tenaga pengajar di Madrasah Akhlak Al-Islamiah di Bagan Serai. Selain itu beliau turut menjadi tenaga pengajar di Open University Malaysia yang terletak di Pulau Pinang. Responden yang ketiga pula ialah Hajah Siah Jalil. Berusia 71 tahun dan merupakan sepupu kepada Hajah Asmah. Beliau mendapat pendidikan awal aliran Arab di Madrasah Akhlak Al-Islamiah dan kemudian meneruskan pendidikan menengah aliran Inggeris di Government English School. Tidak hairanlah dengan usianya kini, beliau dapat bertutur dengan Bahasa Inggeris dengan baik. Beliau mempunyai daya ingatan yang kuat dalam soal sejarah adat dan budaya Banjar, sejarah Masjid Tinggi, sejarah Jalan Banjar dan Sungai Kalumpang. Walaupun bergiat aktif dalam Kelab Kulaan Malaysia, namun beliau tidak menyandang apa-apa jawatan dalam kelab tersebut kerana permintaannya sendiri. Beliau sering menghadiri diri dalam setiap aktiviti yang dijalankan dan kerap kali menjadi rujukan dalam hal keagamaan, adat dan budaya Banjar. Beliau juga aktif dalam hal kebajikan kampung seperti dalam soal kenduri kendara dan juga terlibat dalam pengurusan jenazah. Penglibatannya dalam kehidupan sosial masyarakat juga adalah menerusi peranannya mengajar anak-anak penduduk kampung mengaji al-quran. Di kampung Jalan Banjar, yakni di tempat tinggalnya sendiri, beliau dikenali sebagai Fatimah atau “Mak Ngah”.

Pada pandangan pengkaji, sumber maklumat yang diperoleh daripada ketiga-tiga responden ini adalah konsisten dan boleh dipercayai. Hal ini berikutan maklumat yang diperoleh daripada temubual kemudiannya disilang periksa kesahihannya dengan penglibatan pengkaji dalam aktiviti dan program-program yang dijalankan oleh masyarakat Banjar. Sewaktu menjalankan kajian, pengkaji berkesempatan menyaksikan bagaimana “Program Dokumentari Kebudayaan Sosial Masyarakat





Banjar” direkodkan secara langsung. Program tersebut berlangsung di Kampung Tebuk Matau, Semanggol Perak dan telah dirasmikan oleh Y.B Dato’ Sham Mat Sahat dan dirakamkan oleh siaran televisyen utama Malaysia yang dihoskan oleh selebriti terkenal, Arja Lee. Menceritakan perihal program dokumentari tersebut, ianya bermula seawal 9.00 pagi dengan dihadiri oleh ahli Kelab Kulaaan Malaysia dan penduduk kampung Tebuk Matau serta hadirin dari kalangan masyarakat Banjar disekitar Parit Buntar dan Bagan Serai. Program ini bermula dengan penyampaian taklimat berkenaan adat “bapukung”, menjelaskan kebaikan dan logik disebalik adat tersebut. Kemudian, acara diteruskan dengan mempersembahkan secara teori kaedah “bapukung” dihadapan semua tetamu yang hadir. Bermula dengan cara bayi didudukkan di dalam buaian, diikat dan kemudian dihayun oleh para ibu yang menyertai aktiviti tersebut sambil menyanyikan lagu untuk menidurkan bayi. Sangat mengujakan apabila selang beberapa minit selepas itu bayi-bayi yang berada di dalam buaian di lihat tidur dengan lena. Keadaan ini disaksikan sendiri oleh pengkaji dan para hadirin.

Selanjutnya, diteruskan dengan aktiviti “aruhan” iaitu aktiviti gotong-royong dalam melaksanakan sesuatu majlis khususnya kenduri. Antara aktiviti yang dijalankan sewaktu aruhan ialah bergotong-royong dalam menyiapkan ramuan masakan utama. Di satu sudut yang lain pula, kaum ibu sibuk menyiapkan makanan pencuci mulut seperti wadai kiping. Yang menarik minat pengkaji ialah penyediaan wadai kiping yang memerlukan tenaga kerja yang ramai agar makanan tersebut dapat disiapkan secukupnya kepada para tetamu. Setiap seorang daripada mereka mempunyai tugas masing-masing bermula dengan mengadun bahan utama, menggental tepung dalam bentuk bulat kecil, merebus, menyiapkan kuah manis dan seterusnya menghidangkan.





Pengkaji berkesempatan melihat bagaimana pengurusan majlis dilaksanakan dari mula sehingga akhir. Dalam sesuatu majlis yang dijalankan, adalah menjadi satu kemestian para tetamu yang hadir membawa buah tangan. Orang kampung khususnya memberi pelbagai barangan keperluan asas seperti gula, garam, beras, tepung dan juga duit kepada tuan rumah dan situasi ini telah menyentuh hati pengkaji. Lazimnya keperluan tersebut dibawa dalam bekas khas yang dipanggil “rantang” yang lebih dikenali umum sebagai mangkuk tingkat. Selesai memasak, tetamu kehormat diiring ke meja santapan oleh ahli-ahli yang terlibat. Kemudian, penerangan diberikan kepada para tetamu berkenaan dengan makanan yang disediakan. Pelbagai jenis lauk pauk yang terdiri daripada makanan tradisi masyarakat Banjar dihidangkan kepada para tetamu. Antara yang unik ialah “wadik”, iaitu pekasam ikan sepat dan “hampapai” yang merupakan jeruk kulit cempedak. Selesai menjamu selera, penulis tidak melepaskan peluang untuk mendekati ahli Kelab Kulaan Malaysia yang mempunyai kesempatan waktu untuk ditemubual. Antaranya ialah Pengerusi dan juga setiausaha Kelab Kulaan Malaysia. Selain itu pengkaji turut merapati ahli jawatankuasa yang lain serta penduduk-penduduk kampung yang berusia lebih 60 tahun ke atas. Program tersebut berakhir selepas pukul 5.00 petang.

Seterusnya pengkaji menyertai “Program Merakytakan Seni dan Budaya, Festival Adat Masyarakat Banjar” yang berlangsung pada 8 dan 9 April 2017 di Dewan Dato’ Zainal Abidin Zin, Stadium Mini Bagan Serai, Perak. Program ini bertemakan adat perkahwinan Banjar. Acara tradisi perkahwinan masyarakat Banjar dipertontonkan kepada pengunjung bermula seawal jam 3.00 petang sehingga ke pukul 8.30 malam. Menceritakan serba sedikit tentang upacara yang perlu dijalani oleh pengantin sebelum bersanding ialah bergosok, berinai, berandam dan mandi





bunga. Bahan-bahan yang digunakan ialah pucuk nanas, kulit mangga, kulit pinang muda, telur ayam, limau nipis, kunyit hidup, beras pulut dan 44 jenis bunga. Setelah selesai upacara mandi dan bergosok, proses seterusnya ialah berinai. Acara bergosok ini merujuk kepada mandi luhur yang sering dilakukan oleh pasangan pengantin yang bakal mendirikan rumah tangga. Proses ini dilakukan bagi menghilangkan kekotoran pada badan pengantin dan menaikkan seri pengantin. Pengantin perempuan mengenakan inai di semua jari tangan, manakala pengantin lelaki pula hanya mengenakan inai pada 3 jari tangan sahaja. Setelah selesai berinai, pengantin dipakaikan pakaian tradisi perkahwinan, dihiaskan wajah dan rambut, selain dipakaikan celak, pemerah bibir untuk menaikkan lagi seri wajah raja sehari. Di samping itu, pada satu sudut yang lain persiapan barang hantaran, tepak sirih dan hiasan pelamin turut dijalankan oleh ahli keluarga dan jiran tetangga. Setelah semuanya telah bersedia, tiba masanya acara kemuncak dalam majlis ini, iaitu acara persandingan. Dalam acara gilang gemilang ini, pengantin lelaki membawa pengantin perempuan memasuki dewan menaiki basikal sambil diringi paluan tabuh dan diarak oleh ahli keluarga yang membawa bersama sirih junjung, barang-barang hantaran, bunga manggar dan bunga telur. Setibanya di dalam dewan, cahaya lampu dihala ke arah pasangan pengantin dan pihak rombongan yang mengiringi mereka melaungkan selawat. Pada waktu ini, tetamu yang ada turut bersama-sama berselawat. Setelah pengantin duduk di pelamin, acara menabur bunga rampai beserta duit syiling, acara merenjis air mawar dan tepung tawar dilakukan oleh ahli keluarga kedua-dua belah pengantin. Setelah selesai, pengantin diarak turun ke meja santapan untuk acara yang terakhir iaitu makan beradap. Di sini, pengantin lelaki dan perempuan berselang-seli menyuap pasangan masing-masing.





Pada 5 November 2017, telah berlangsung aktiviti konvoi Kelab Kulaan Malaysia ke Sungai Manik yang dinamakan “Ma Ilangi Bubuhan Sungai Manik, Perak”. Alhamdulillah, sekali lagi pengkaji dapat menyertai program yang dijalankan oleh masyarakat Banjar. Program “Ma Ilangi Kulaan” ini bertujuan untuk menyantuni masyarakat Banjar di sekitar Perak bermula di Bagan Serai, Changkat Jering, Titi Gantung, Kampung Gajah dan akhir sekali di Sungai Manik, Perak. Ahli konvoi disambut mesra di setiap lokasi yang telah disebutkan tadi. Aturcara program dimulakan dengan ucapan alu-aluan, diiringi dengan acara berbalas pantun, penyampaian syair dalam bahasa Banjar dan seterusnya ahli konvoi dijamu dengan makanan tradisi yang telah disediakan oleh penduduk kampung terlibat yang majoritinya berketurunan Banjar. Setibanya di Sungai Manik, aktiviti yang disusun pada sebelah malam agar para peserta konvoi dapat berehat terlebih dahulu. Aktiviti bermula dengan solat berjemaah dan kuliyah Magrib. Selepas solat Isyak diadakan acara makan malam bersama dengan penduduk kampung, ahli majlis Kelab Banjar Malaysia dan Ahli Kelab Kulaan Malaysia. Di sini setiap peserta mengambil peluang untuk beramah mesra, bertukar-tukar cerita dan berbincang untuk memperkukuhkan lagi ukhwa masyarakat Banjar. Pada keesokan harinya, peserta konvoi berkumpul di dewan Sungai Manik dan dihidangkan dengan sarapan pagi sambil menunggu ketibaan Yang di Pertua Kelab Banjar Malaysia dan ahli-ahli yang lain. Acara diteruskan dengan ucapan alu-aluan, penyampaian kisah Perang Manik, kepentingan menjaga identiti, adat dan budaya Banjar agar terus diamalkan oleh generasi muda. Program berakhir pada 6 November 2017 selepas waktu Zohor.

Berikutnya, berlangsung pula “Karnival Sukan Bendang, Pencarian Badang dan Serikandi Banjar 2018” pada 4 Mac 2018 bertempat di kawasan sawah padi





Simpang Lima, Alor Pongsu. Karnival ini juga merupakan anjuran Kelab Kulaan Malaysia. Karnival yang dirasmikan oleh Yang Berbahagia Dato' Sham Mat Sahat dan diserikan dengan kehadiran Orang Besar Jajahan Kerian, Datuk Meor Redwan Mahyuddin. Peserta program perlu melalui lima halangan sukar sebelum dinobatkan sebagai Badang. Antara acara yang dipertandingkan untuk kaum wanita ialah menangkap belut dan keli di dalam bendang. Manakala untuk kaum lelaki pula acara menarik traktor seberat lima tan dan pertandingan mengupas kulit kelapa menggunakan gigi.

Selain daripada temubual dan menyertai program yang dianjurkan, pengkaji juga turut merujuk kepada sumber sekunder yakni bahan bertulis seperti kajian lepas untuk menguatkan dan mengesahkan lagi maklumat yang diperolehi terhadap kajian ini. Berdasarkan kepada beberapa kaedah penyelidikan ini, dapatlah disimpulkan bahawa objektif pengkaji telah tercapai. Persoalan yang timbul diawal kajian juga telah terjawab seterusnya telah berjaya menyangkal tanggapan negatif masyarakat lain terhadap masyarakat Banjar.

1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini adalah untuk mendedahkan kepada masyarakat perihai adat dan budaya masyarakat Banjar. Dapatan kajian ini seterusnya adalah untuk memberi pemahaman lanjut mengenai salah satu etnik yang terdapat di negara Malaysia yang dirasakan kurang menonjol dalam pengetahuan umum. Kajian yang telah dijalankan melalui kaedah pemerhatian dan menjadikan sumber lisan sebagai sumber utama berikutan adat dan budaya itu sendiri diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi





secara lisan berikutan ketiadaan rekod dalam bentuk bertulis. Hasil kajian ini juga telah menemukan maklumat-maklumat yang dapat dipertontonkan kepada setiap masyarakat seterusnya mewarnakan lagi kepelbagaian budaya dan etnik di Malaysia. Tidak terkecuali juga, kepentingan kajian ini adalah untuk menyangkal dakwaan negatif terhadap masyarakat Banjar.

1.7 Skop Kajian

Kajian ini adalah merujuk kepada masyarakat Banjar yang berada di sekitar negeri Perak. Namun tumpuan yang diberikan adalah kepada masyarakat Banjar di daerah Kerian terutamanya disekitar Bagan Serai, Kuala Kurau, Tanjung Piandang dan Parit Buntar. Skop kajian bertumpu kepada sejarah asal-usul masyarakat Banjar dan faktor penghijrahan mereka ke Tanah Melayu. Seterusnya kajian turut melibatkan soal

